

# Kejadian pegang penyu di Pulau Redang disiasat

BH 1/7/2022 MS: 23

## Terengganu arah Jabatan Taman Laut teliti insiden video tular

**Kuala Terengganu:** Kerajaan negeri sudah mengarahkan Jabatan Taman Laut melakukan siasatan terperinci berkaitan video tular insiden memegang penyu di Pulau Redang, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital Terengganu, Ariffin Deraman, berkata perbuatan memegang penyu adalah salah mengikut Seksyen 27 Akta Perikanan 1985.

“Tiada seorang pun boleh memancing, mengganggu, mengusik, menangkap atau mengambil penyu mengikut akta berkenaan. Kerajaan negeri kesal dengan kejadian ini dan berharap ia tidak akan berulang,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Selasa lalu, tular di media sosial satu video berdurasi 24 saat yang memaparkan seorang kru bot menyelam dan membawa naik seekor penyu hampir ke permukaan dipercayai di Teluk Dalam, Pulau Redang.

Video itu mendapat kecaman warganet kerana ia menyalahi undang-undang memandangkan penyu adalah haiwan terancam yang dilindungi kerajaan.



Ariffin Deraman

Sementara itu, Naib Pengerusi Persatuan Pengusaha Bot Pulau Redang, Azmi Awang ketika dihubungi berharap pihak terbabit dalam video tular itu akan dikenakan tindakan sewajarnya sebagai pengajaran agar ia tidak berulang.

“Kami kesal dengan tindakan pengusaha bot yang masuk ke taman laut Pulau Redang membawa pelancong untuk melihat penyu secara tidak beretika.

“Setiap pengusaha bot perlu peka dengan peraturan yang dikuatkuasakan dan mengingatkan pelancong agar tidak menyentuh penyu ketika mengadakan aktiviti snorkeling,” katanya.

BERNAMA